

## Lelaki tumbuk muka isteri gara-gara wang dipenjara 12 bulan

**KUCHING:** Padah menumbuk muka isteri gara-gara wang, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Barry Guillen, 29, yang mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama.

Diadidakwa dengansengaja mencederakan isterinya yang berusia 24 tahun dengan cara menumbuk mangsa di muka dalam satu kejadian sekitar jam 3.45 pagi pada 4 Januari

2025, di hadapan sebuah rumah di Jalan Stephen Yong, Kampung Semeba di sini.

Berdasarkan keterangan kes, mangsa diminta oleh tertuduh untuk datang ke rumah tersebut dengan alasan anak mereka demam.

Bagaimanapun setibanya di sana, tertuduh keluar dari rumah dan terus membuka pintukereta mangsalalumenumbuk bahagian kanan dahi mangsa.

Sewaktu kejadian juga, tertuduh telah meminta semula wang sebanyak RM150 yang pernah diberikan kepada mangsa untuk perbelanjaan anak.

Mangsa menyerahkan baki wang perbelanjaan anak sebanyak RM80 kepada tertuduh, namun tertuduh marah kerana wang tidak mencukupi.

Berikutan itu, tertuduh bertindak menumbuk bahagian kanan bibir mangsa.

Mangsa membuat laporan polis dan tertuduh ditangkap pada 5 Januari 2025.

Hasil siasatan mendapati mangsa mengalami sakit di bahagian kanan dahi dan bibir akibat kejadian itu yang kemudiannya turut disahkan oleh laporan perubatan.

Tertuduh tidak diwakili peguam.